

14/01/1997

Mencari hala tamadun Terengganu baru

Ibrahim Muhamad

SEMPENA menyambut Tahun Melawat Terengganu (TMT) 97, Menteri Besar Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad, sekali lagi dengan penuh bangga mengisytiharkan untuk mengembalikan keagungan tamadun Terengganu baru, di hadapan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan lebih 20,000 rakyat Terengganu yang menyaksikan malam pelancaran TMT 1997 di Stadium Sultan Ismail Nasiruddin Shah.

Walaupun pengisytiharan itu bukan kali pertama tetapi ia cukup besar ertinya selaras dengan perkembangan negara semasa untuk menjadikan pemikiran rakyat negeri itu lebih terbuka dan global dengan membuat lompatan saujana untuk maju di dunia dan akhirat.

Selepas lebih 20 tahun Negeri Terengganu Darul Iman di bawah teraju Menteri Besar Wan Mokhtar Ahmad, sudah banyak perubahan yang berlaku daripada sebuah negeri yang dulunya miskin kini seiring dengan negeri lain walaupun tidak sekaya seperti Selangor, Johor atau Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Pembangunannya cukup mantap sehingga ada sesetengah rakyat tidak dapat menutup mulut dan tidak dapat berkata-kata kerana kagum dengan perkembangan pembangunan yang tidak pernah diimpikan mereka selama ini. Ada juga di antara mereka terpaksa berdepan dengan satu suasana baru yang tidak dapat diteladani sehingga terus berada dibawah garis kemiskinan.

Apakah sebenarnya yang di maksudkan dengan `Tamadun Terengganu Baru' itu, adakah ia mempunyai kaitan dengan tamadun yang disebut oleh Ibn Khaldun dalam kitabnya Muqadimah, atau tamadun yang pernah diwujudkan oleh bangsa yang besar di dunia seperti Rom, Sepanyol, Greek, China, Parsi dan Arab atau ia ada kaitan dengan masyarakat Madani yang diwar-warkan oleh banyak pemimpin Umno selama ini.

Kita bimbang idea yang begitu bernas hanya tinggal idea, hilang dibawa arus khayalan kerana ia dibuat secara spontan atau hanya satu kenyataan politik untuk menggambarkan satu program yang dilakukan walaupun ia kabur dari segi pelaksanaan.

Sebelum ini sudah wujud `Wawasan Sihat' yang begitu ideal sehingga dikagumi oleh banyak pihak di negeri lain, tetapi ramai pegawai kerajaan negeri yang sepatutnya terbabit dalam hal berkenaan tidak faham erti `sihat' yang dimaksudkan jauh sekali untuk mengkaji secara mendalam dan menyediakan kertas yang perlu.

Kebimbangan inilah yang seharusnya dikaji terlebih dulu sebelum menganjurkan satu idea baru kerana kejayaan sesuatu buah fikiran sama ada bernas atau tidak ia banyak bergantung jentera pelaksanaan dari Menteri Besar kepada Exco, Ketua Jabatan dan pegawai lain yang terbabit.

Pengalaman yang ada di Terengganu cukup menyayat hati, banyak program pelaksanaan tidak menepai matlamatnya kerana jentera pelaksanaan tidak tahu arah sebenar yang dikehendaki dan tidak keterlaluan dikatakan masih ada kakitangan kerajaan yang hanya berfikiran `makan gaji'.

`Tamadun makan gaji' inilah perlu dirombak terlebih dahulu sebelum mewujudkan tamadun Terengganu baru. Revolusi rombakan ini memerlukan satu kekuatan dan satu cabaran yang cukup besar, jika tidak ia hanya tinggal sebagai satu kenyataan kosong.

Kita tidak tahu setakat mana Wawasan Sihat akan berjaya dengan pelaksanaan yang ada, ditambah pula tamadun Terengganu baru yang belum tahu tujuan dan hala tujuannya.

Cuma apa yang hendak kita katakan ialah kejayaan Amanah Saham Darul Iman

(Asdi) yang kini semua orang tahu dan dapat menerangkannya walaupun murid sekolah rendah, satu institusi saham berasaskan syariah.

Kenapa idea Asdi ini berjaya? kerana ia dilaksanakan oleh satu kumpulan pakar, komited dan pemikiran mereka sudah mempunyai tamadun maju, amanah serta sedia berkorban.

Mampukah pemerintah yang ada sekarang mencetuskan revolusi baru dalam pentadbiran dengan memastikan mereka yang berfikiran makan gaji itu berubah seperti Asdi, jika tidak jangan diharap pemerintah akan menrevolusikan mereka, tetapi mereka yang merevolusikan pemerintah.

(END)